

NO. SOALAN : 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2015

SOALAN :

YB. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] meminta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menguatkuasakan pengambilan wang deposit, jaminan bank atau insurans ke atas agensi-agensi pelancongan yang menipu pelanggan, dan jika tidak, mengapa.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sedang mempertimbangkan untuk menguatkuasakan pengambilan wang deposit atau jaminan bank atau insurans ke atas semua agensi-agensi yang berlesen dengan Kementerian selaras dengan **Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992.**

Walau bagaimanapun, Kementerian perlu melaksanakan kajian penambahbaikan lebih terperinci berhubung perkara ini kerana syarat-syarat di dalam Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992 tersebut hanya meliputi agensi pelancongan berlesen yang menjalankan lesen *outbound* sedangkan penipuan pakej yang berlaku adalah juga melibatkan pakej *inbound*. Kajian ini juga akan mengambil kira situasi semasa bagi memastikan dan melindungi hak-hak pengguna serta daya saing penggiat industri. Sehubungan dengan itu, sesi *engagement* bersama penggiat industri pelancongan serta pihak insurans akan diadakan bagi memperhalusi perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 1 DISEMBER 2015
[SELASA]
DARIPADA : Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]

SOALAN :-

Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan projek PPR yang akan dibina di Sepanggar dan berapa banyak projek yang terbengkalai di Sepanggar, jika ada.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membina 2 Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Sepanggar iaitu PPR Kampung Warisan, Inanam yang melibatkan 485 unit rumah dan PPR Kampung Kiansom Besar yang melibatkan 1,000 unit rumah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Disember 2015

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2015 (SELASA)

SOALAN : 34

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sebarang perancangan menjadikan Pelabuhan Klang sebuah bandaraya pelabuhan bertaraf dunia serta pelan tindakan proaktif mendepani cabaran bagi semua pelabuhan di persisiran Selat Melaka sekiranya cadangan membina Terusan Segenting Kra oleh Kerajaan China dan Thailand menjadi kenyataan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Segala perancangan untuk menjadikan bandar Pelabuhan Klang sebuah bandaraya pelabuhan bertaraf dunia adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri memandangkan ianya berkaitan perancangan bandar. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Pelabuhan Klang adalah merupakan sebuah pelabuhan bertaraf dunia di mana bagi tempoh 10 tahun berturut-turut, Pelabuhan Klang berada di kedudukan *Top 15* di dalam liga pelabuhan kontena terbesar dunia. Pada tahun 2014, Pelabuhan Klang telah mengekalkan kedudukannya di tangga 12 dalam liga pelabuhan kontena terbesar dunia.

Beberapa langkah diambil bagi meningkatkan lagi penggunaan serta daya saing pelabuhan-pelabuhan di Malaysia untuk menghadapi sebarang cabaran samada dari elemen luar atau daripada pembangunan Terusan Segenting Kra seperti berikut:

- (i) Meningkatkan pasaran eksport negara dengan menggalakkan pertumbuhan sektor industri pembuatan negara melalui *direct foreign investment* dan bagi menjana kargo;
- (ii) menambah kapasiti pelabuhan melalui pembesaran kemudahan pelabuhan dan penggunaan alat-alat pengendalian kargo yang lebih moden dan canggih termasuk penggunaan sistem teknologi maklumat;
- (iii) membangunkan kawasan-kawasan zon bebas di sekitar pelabuhan untuk aktiviti nilai tambah kepada kargo untuk eksport; dan

(iv) melaksanakan program-program promosi bagi memasarkan pelabuhan-pelabuhan Malaysia.

Kerajaan juga sedang meneliti dan mengkaji langkah-langkah yang wajar diambil dalam mendapat manfaat daripada inisiatif *21st Century Maritime Silk Road* oleh Negara China dan usaha-usaha ke arah tersebut sedang giat dilaksanakan.

Kerajaan yakin semua langkah-langkah ini akan dapat memastikan kesinambungan penggunaan pelabuhan-pelabuhan di Malaysia dan mewujudkan permintaan bagi kapal-kapal untuk singgah dan berlabuh dalam menjamin kelestarian pelabuhan-pelabuhan Malaysia.